



Buletin Kelab



Keluaran 6/05

Ogos 2005 Rejab 1426H

<http://www.iiu.edu.my/matric/club>

HARI KELUARGA 2005 YANG KE 13 AKAN DI ADAKAN PADA 26hb Hingga 28hb Ogos 2005

Hari keluarga ke 13 semakin menghampiri, tinggal 2 minggu sahaja lagi untuk jawatankuasa hari keluarga untuk membuat persiapan menganjurkan Hari Keluarga Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM yang ke 13.

Seramai 60 keluarga telah mendaftar untuk menyertai Hari Keluarga tersebut. Sebagai pengumuman diminta semua ahli yang mendaftar membuat pembayaran sepenuhnya sebelum 25hb Ogos 2005 kepada **En Abu Bakar Dawi** di jabatan Kewangan atau **Ust. Mohd Shariff Hashim** di Jabatan Latihan dan kepimpinan Pelajar. Pihak jawatankuasa amat memerlukan kerjasama kepada semua ahli supaya membuat pembayaran dengan segera bagi melancarkan persiapan Hari keluarga tersebut.

Kepada sesiapa yang ingin menaiki bas sila menghubungi **En. Samian Hashim (Adi)** di Unit Penyelenggaraan dan Perkhidmatan bagi membuat tempahan dan maklumat lanjut. Bas dijangkakan akan bertolak pada 26hb Ogos 2005 (Jumaat) jam 3.00 petang. Semua ahli yang menaiki bas sila berkumpul di tempat letak bas Pusat Matrikulasi UIAM.

Kepada semua yang menyertai Hari Keluarga dinasihatkan membawa peralatan yang perlu seperti peralatan perkelahan dan makanan tambahan. Kepada yang sesiapa yang menaiki kenderaan

sendiri diminta berhati-hati dan keselamatan adalah tanggung jawab sendiri.

Pada malam 26hb Ogos 2005, makan malam akan disediakan dan acara perasmian akan diadakan. Pada malam 27hb Ogos 2005 akan diadakan makan malam bersama **Yang Berhormat Datuk Zamri Kadir ADUN** kawasan Pangkor, Perak. Pada aturcara tersebut Yang Berhormat akan hadir bersama-sama menyertai acara malam tersebut.

Kepada sesiapa yang berminat untuk menyertai acara berkaraoke silalah mendaftarkan diri kepada **En. Kamal Bahari Abu, En. Abu Bakar Dawi dan En. Mohd Amin Hj Ismail**. Pihak AJK memerlukan maklumat penyertaan dari ahli bagi membuat persediaan acara tersebut. Hadiah cenderahati akan disediakan kepada sesiapa yang menyertai acara tersebut.

Segala maklumat lanjut berkenaan Hari keluarga Ke 13, bolehlah menghubungi :

En A.Kamal Bahari Abu - Pengarah

En. Abu Bakar Dawi - Bendahari

En. Mohd Shariff Hashim—Setiausaha

SELAMAT HARI KELUARGA

Kandungan Buletin

Sunnah Tidur Tengahhari	2
Soal Jawab Agama	2
Amalan Bulan Rejab	3
Petua	3
Sukar Naik Pangkat	4
Bersama Bendahari Kelab	4
99 Langkah Kesempurnaan	5



Berusahalah Untuk
Kejayaan

TAHNIAH—KELAHIRAN CAHAYA MATA

Pn. Rohani bt. Amat

Dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Melahirkan anak yang ke dua, anak lelaki pada 13hb Julai 2005.

En Khairul Nizam bin Muslim

Dari Bahagian Kemasukan dan Rekod telah selamat menimang cahayamata yang kedua pada 06hb Julai 2005

En. Mohd Yusuf bin Yob

Dari Unit Penyelenggaraan dan Perkhidmatan, telah selamat menimang cahayamata, anak lelaki pada 05hb Ogos 2005.

En. Fadzil bin Jumman.

Telah menjalankan pembedahan buah pinggang di Hospital Universiti pada 06hb Ogos 2005 (Sabtu). Keadaannya telah beransur pulih. Kelab mendoakan semoga beliau dalam keadaan sehat dan semakin pulih.



Anugerah dan Amanah dari

Tazkirah

Sunnah Tidur Tengahari Dan Penemuan Semasa

Tidur siang pernah dianggap sebagai salah satu tanda kemalasan. Islam menganggapnya sebagai suatu kebaikan asalkan seseorang itu tidak berlebih-lebihan dengannya.

Di dalam kitab '*Misykatul Masabih*' disebutkan tentang salah satu amalan sunnah yang pernah dilakukan oleh Nabi:

"Tidur yang sedikit di waktu tengahari (*qailulah*) tidaklah keji. Rasulullah ada melakukannya."

Imam Al Ghazali di dalam kitab '*Thya Ulumuddin*' telah berkata:

"Hendaklah seseorang tidak meninggalkan tidur di siang hari kerana ianya membantu ibadah di malam hari sebagaimana sahur membantu puasa di siang hari. Sebaik-baiknya ialah bangun sebelum tergelincir matahari untuk solat zohor."

Islam mempunyai pandangan tertentu tentang tidur tengahari. Ia dianggap sebagai sunnah dan bukan sebagai suatu yang keji. Tidurnya hanya sekejap. Tujuannya adalah untuk kesegaran tubuh badan agar dapat dimanfaatkan untuk melaksanakan amal dan ibadah yang berkualiti. Dewasa ini, berpandukan kajian-kajian saintifik, tidur sekejap di waktu siang (*day napping*), terutamanya pada waktu tengahari, didapati amat berkesan untuk mempertingkatkan tenaga, tumpuan dan akhirnya produktiviti pekerja-pekerja. Baru-baru ini satu kajian 25 tahun tentang kesan tidur ke atas negara-negara industri dan pasca-industri telah mendapati bahawa "92.5% pekerja-pekerja yang berkesempatan tidur di waktu tengahari, mempunyai daya kreativiti yang lebih tinggi. Daya kemampuan mereka untuk menyelesaikan masalah juga meningkat. Semua ini pastinya meningkatkan produktiviti." (*Napping News: 'Scientific Proof Confirms: Napping Enhances Worker Productivity,' from eFuse*)

Waktu tengahari merupakan masa yang paling sesuai untuk tidur seketika kerana sistem badan kita memang bersedia untuk memanfaatkan fasa tidur pada waktu itu. Fasa ini disebutkan sebagai '*a midafternoon quiescent phase*' atau '*a secondary sleep gate*.' Di antara tokoh-tokoh yang menggalakkan tidur tengahari ini ialah Dr. William A. Anthony, Ph.D. dan Camille W. Anthony, pengarang buku '*The Art of Napping at Work*.' Demikian juga yang disebutkan oleh David F. Dinges dan Roger J. Broughton di dalam buku mereka '*Sleep and Alertness: Chronobiological, Behavioural and Medical Aspects of Napping*.' Dr. James Maas, pakar tidur dari Cornell University juga telah merumuskan bahawa tidur di tengahari sekadar 15-20 minit sudah mencukupi untuk mengembalikan tenaga dan menjaga kesihatan. Seorang pengkaji yang lain, Donald Greeley, telah mengatakan bahawa tidur tengahari adalah bermanfaat selama mana ianya tidak melebihi satu jam. (*Gail Benchener: 'Parents and Sleep Deprivation,' Family.com*) Sunnah tidur tengahari yang diajarkan Nabi rupa-rupanya merupakan suatu yang amat saintifik lagi relevan pada hari ini.



BERSENAM & SIHAT

Sebelum memberi nasihat kepada manusia dengan ucapanmu, berilah mereka nasihat dengan perbuatanmu

Soal Jawab Agama

Bagaimanakah caranya untuk kita membayar semua hutang walaupun orang tersebut telah meninggal dunia?

Jawapan:

Jika kita berhutang terhadap seseorang, namun sebelum sempat kita membayarnya ia telah meninggal dunia, maka kita wajib membayar kepada ahli warisnya yang terdekat.

Bagaimanakah caranya untuk mempercepatkan jodoh? Ayat-ayat apakah yang perlu saya amalkan?

Jawapan:

Dalam usaha untuk mempercepat mencari pasangan hidup hendaklah kita banyak berdoa dan bermohon kepada Allah agar kita sentiasa memperoleh berkah dan rahmat-Nya. Kerjakan segala yang diperintahkan agama dan tinggalkan segala yang dilarang oleh Islam, jika amalan-amalan yang mulia ini kita laksanakan, maka Insya Allah akan ditentukan Allah dengan suatu yang lebih baik nantinya. Mungkin saja keterlambatan itu kerana ada hikmah yang terkandung didalamnya yang kita sendiri tidak dapat untuk menterjemahkannya. Mungkin juga terlambatnya jodoh kita itu kerana kelalaian kita dalam mengingati Allah SWT sehingga Allah mengingatkan kita dengan cara melambatkan jodoh tersebut, akhirnya kita sedar bahawa Allah lah tempat kita bermohon. Berdoalah setiap selepas solat lima waktu.

11 Amalan Murah Rezeki

Firman Allah " Kami tidak meminta rezeki dari mu (bahkan) kamilah yang memberikan rezeki kepadamu (ingatlah) kesudahan yang baikbagi orang-orang yang bertaqwa.

1. Bertaqwah kepada Allah.
2. Beristighfar kepada Allah.
3. Berselawat kepada Nabi.
4. Berbakti kepada kedua Iubapa.
5. Menjalinkan hubungan Silaturahmi.
6. Bangun Pagi –Solat Tahjud, Istighfar dan berdoa.
7. Mendirikan solat Dhuha Setiap hari.
8. Memberi salam, Membaca Selawat dan Membaca surah Al-Ikhlas.
9. Membaca Surah al-Waqiah setiap malam.
10. Bersedekah
11. Sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah



SAJAK

IBU

Ibu....

Tetiba terbayang wajahmu
Terkenang kasih sayangmu
Belaian mesra semakin dirindu
Manisnya senyuman umpama madu
Teringat pengorbananmu...
Semakin pilu

Ibu....

Keringatmu mutiara bagiku
Gugur satu demi satu setiap hari
Mampukah aku menebusnya...
Lelahmu permata bagiku
Kilauannya penyuluh naluri

Apakah mampu aku menurutnya...
Semangatmu kekuatan bagiku
Utuh unggulnya menghempas diri
Sanggupkah aku menggadaikannya...
Sedihmu azab bagiku
Biarpun ia cuma sejari
Sudikah aku menjadi pemerhatinya...

Kebanyakan orang membuang
banyak masa dan tenaga untuk
memikirkan masalah dan bukan
cuba untuk menyelesaikannya

Petua

LEMAH RASA BADAN

Ambilkan daun pegaga dan campurkan dengan air suam. Setelah direndam beberapa ketika, perahkan daun pegaga itu. Air perahannya itu hendaklah dicampur dengan kuning telur ayam kampung dan sedikit madu. Kemudian diminum dan anda akan merasai kesegarannya semula

RAWAT TUMIT RETAK

Ambil sebiji betik muda atau yang hampir kuning, potong pada bahagian kepalanya hingga keluar getahnya. Kemudian sapukan getah betik tadi pada tumit. Amalkanlah selalu untuk melihat perubahannya. Insha Allah.

ELAKKAN TANGAN MELEPUH Sebelum membuat kerja berat seperti mencangkul, hancurkan dua atau tiga biji bawang merah, kecil atau besar. Setelah itu lumurkan pada tapak tangan. Lakukanlah kerja yang dimaksudkan tadi. InshaAllah, tangan anda akan terelak dari melepuh.

GIGI LEBIH KUAT

Tumbukkan sedikit halia dengan garam. Setelah itu campurkan dengan air. Berkumurlah menggunakan campuran air halia itu setiap hari. Insha Allah gigi anda akan menjadi lebih kuat.

MENGURANGKAN PANAS DI KEPALA

Ambilkan akar lalang, basuh hingga bersih. Rendamkan dengan air sejuk semalaman. "Sapulah air itu di kepala esok pagi. Anda akan rasa kesejukan air rendaman akar lalang itu. Amalkan sekali seminggu.

AMALAN-AMALAN SEPANJANG
BULAN REJAB AL-MUBARAK

DOA YANG ELOK DIBACA SEBANYAK 70 KALI
SEBELAH PAGI DAN 70 KALI SEBELAH PETANG

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَتُبَّ عَلَيَّ

BERMAKSUD : " Ya Tuhan ampun lah dosaku dan rahmati lah aku dan terima lah taubatku"

1. Dari 1 hb Rejab hingga 10 Rejab :

سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ الْقَبُورِ

BERMAKSUD: " Maha suci Allah yang hidup berslap sedia"
(100 kali)

2. Dari 11 hb Rejab hingga 20 hb Rejab:

سُبْحَانَ اللَّهِ الْأَحَدِ الصَّمَدِ

BERMAKSUD: " Maha suci Allah yang tunggal dan tempat berlindung"
(100 kali)

3. Dari 21 hb Rejab hingga 30 hb Rejab :

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّؤُوفِ

BERMAKSUD : " Maha suci Allah yang maha pengasih "
(100 Kali)

Semuga Amalan Kita Akan Diberkati Oleh Allah S.W.T.



**Biro Perhubungan dan Penerbitan
Kelab Kebajikan Kakitangan**

Phone: 03-77803216
Fax: 03-79571006
Email: amin@iiu.edu.my

[HTTP://IIU.EDU.MY/MATRIC/CLUB](http://iiu.edu.my/matric/club)

**Layarilah Lama
web <http://www.iiu.edu.my/matric/club>**

**Kelab Kebajikan Kakitangan
Pentadbiran
Pusat Matrikulasi
Universiti Islam Antarabangsa**

Bersama Bendahari Kelab

Nama: Abu Bakar bin Dawi.

No staff: 082.

Jawatan di UIA: Senior Accounting Assistant.

Jawatan di Kelab: Bandahari.

Alamat : No.16, Jalan SU 37 Tmn Selayang utama 68100 Batu Caves
Selangor.

Berapa lama jadi ahli kelab: 10 Tahun.

Tarikh Lahir : 1/12/58.

Tempat lahir : Hulu Langat Selangor.

Email : abubakardawi@yahoo.com

Berapa cahaya mata: 7 orang.

Harapan terhadap kelab: berharap kelab terus hidup dan aktif menjana persaudaraan Islam dikalangan semua ahli dan kakitangan matrikulasi bersesuaian dengan maksud firman Allah 'hendaklahlah kamu bertolong bantu kearah kebaikan dan janganlah kamu bertolong bantu kearah kemaksiatan'.

Kenangan manis bersama kelab : dapat menghadiri setiap kali hari keluarga yang dianjurkan dan dapat mengambil bahagian didalam persembahan bersama anak-anak dan isteri.

Kenangan pahit bersama kelab: tak ada pahit - semuanya manis

Cadangan kepada Kelab:tingkat kesedaran ahli tentang apa sumbangan yang diberi kepada kelab dan bukannya apa sumbangan kelab kepada kita.



Sukar Naik Pangkat ? Kaji diri sendiri

Mendapat kenaikan pangkat bukan sesuatu yang mudah. Ada yang menyangkakan kalau tidak pandai membodek bos, tidak suka mengampuni, mereka akan tetap berada di situ sampai bila-bila pun. Tidak kurang yang merungut peluang kenaikan pangkat dinafikan kerana khianat pihak lain. Perkara tersebut mungkin benar atau sebaliknya. Kekurangan peluang kenaikan pangkat adalah disebabkan oleh kelemahan sendiri seperti penampilan diri tidak positif, kurang inisiatif untuk bertindak dan meningkatkan kemahiran terkini. Tidak semestinya pekerja yang paling awal sampai dan paling akhir balik merupakan pekerja contoh dan boleh diberikan kenaikan. Banyak faktor yang sering dilupakan oleh mereka yang begitu mengharapkan kenaikan ini.

CUBA SEMAK PETUA BERIKUT:

a) Perwatakan yang ceria

Untuk mendapatkan penampilan diri yang positif,perlu mempamerkan perwatakan yang ceria serta menunjukkan sikap boleh bekerja dengan semua lapisan di dalam hieraki syarikat. Berikan senyuman kerana ia dapat memberikan rasa puas hati rakan dan majikan.

b) Berinteraksi

Jadikan diri seorang yang mudah berinteraksi dengan semua pihak

untuk mengurangkan jurang di antara anda dan rakan sekerja. Perwatakan begini akan menjadikan anda di kenali dan diingati. Hormati orang lain kerana anda akan dihormati kembali.

c) Berpakaian kemas, bersih dan menarik

Penampilan diri dengan mengenakan pakaian yang bersesuaian dengan imej syarikat. Sikap menjaga penampilan dan imej diri menunjukkan anda seorang yang prihatin dan teliti dalam kerja.

d) Disiplin

Berdisiplin dalam tugas harian umpamanya tidak membazirkan waktu syarikat dan tidak menyalah guna kemudahan yang disediakan oleh syarikat.

e) Tepati janji

Berjanji pastikan ia ditepati kerana sikap profesional dan disiplin mempunyai peranan penting dalam perhubungan pelanggan, rakan sekerja dan ketua. Seorang yang profesional perlu memiliki ilmu pengetahuan dan berkemampuan menghadapi sebarang masalah.

99 LANGKAH MENUJU KESEMPURNAAN IMAN

01. Bersyukur apabila mendapat nikmat;
02. Sabar apabila mendapat kesulitan;
03. Tawakal apabila mempunyai rencana/program;
04. Ikhlas dalam segala amal perbuatan;
05. Jangan membiarkan hati larut dalam kesedihan;
06. Jangan menyesal atas sesuatu kegagalan;
07. Jangan putus asa dalam menghadapi kesulitan;
08. Jangan usil dengan kekayaan orang;
09. Jangan hasad dan iri atas kesuksesan orang;
10. Jangan sombong kalau memperoleh kesuksesan;
11. Jangan tamak kepada harta;
12. Jangan terlalu ambitious akan sesuatu kedudukan;
13. Jangan hancur karena kezaliman;
14. Jangan goyah kerana fitnah;
15. Jangan berkeinginan terlalu tinggi yang melebihi kemampuan diri.
16. Jangan campuri harta dengan harta yang haram;
17. Jangan sakiti ayah dan ibu;
18. Jangan usir orang yang meminta-minta;
19. Jangan sakiti anak yatim;
20. Jauhkan diri dari dosa-dosa yang besar;
21. Jangan membiasakan diri melakukan dosa-dosa kecil;
22. Banyak berkunjung ke rumah Allah (masjid);
23. Lakukan solat dengan ikhlas dan khusyuk;
24. Lakukan solat fardhu di awal waktu, berjamaah di masjid;
25. Biasakan shalat malam;
26. Perbanyak dzikir dan do'a kepada Allah;
27. Lakukan puasa wajib dan puasa sunat;
28. Sayangi dan santuni fakir miskin;
29. Jangan ada rasa takut kecuali hanya kepada Allah;
30. Jangan marah berlebih-lebihan;

31. Cintailah seseorang dengan tidak berlebih-lebihan;
32. Bersatulah kerana Allah dan berpisahlah kerana Allah;
33. Berlatihlah konsentrasi pikiran;
34. Penuhi janji apabila telah diikrarkan dan mintalah maaf apa bila karena sesuatu sebab tidak dapat dipenuhi;
35. Jangan mempunyai musuh, kecuali dengan iblis/syaitan;
36. Jangan percaya ramalan manusia;
37. Jangan terlampau takut miskin;
38. Hormatilah setiap orang;
39. Jangan terlampau takut kepada manusia;
40. Jangan sombong, takabur dan besar kepala;
41. Berlakulah adil dalam segala urusan;
42. Biasakan istighfar dan taubat kepada Allah;
43. Bersihkan rumah dari patung-patung berhala;
44. Hiasi rumah dengan bacaan Al-Quran;
45. Perbanyakkan silaturrahim;
46. Tutup aurat sesuai dengan petunjuk Islam;
47. Bicaralah secukupnya;
48. Beristeri/bersuami kalau sudah siap segala-galanya;
49. Hargaai waktu, disiplin waktu dan manfaatkan waktu;
50. Biasakan hidup bersih, tertib dan teratur;
51. Jauhkan diri dari penyakit-penyakit batin;
52. Sediakan waktu untuk santai dengan keluarga;
53. Makanlah secukupnya, tidak kekurangan dan tidak berlebihan;
54. Hormatilah kepada guru dan ulama;
55. Sering-sering bershalawat kepada nabi;
56. Cintai keluarga Nabi s.a.w;
57. Jangan terlalu banyak hutang;
58. Jangan terlampau mudah berjanji;
59. Selalu ingat akan saat kematian dan sedar bahawa kehidupan dunia adalah kehidupan sementara;
60. Jauhkan diri dari perbuatan-perbuatan yang tidak bermanfaat seperti bercakap-cakap yang tidak berguna;

61. Bergaul lah dengan orang-orang soleh;
62. Sering bangun di penghujung malam, berdoa dan beristighfar;
63. Lakukan ibadah haji dan umrah apabila sudah mampu;
64. Maafkan orang lain yang berbuat salah kepada kita;
65. Jangan dendam dan jangan ada keinginan membalas kejahatan dengan kejahatan lagi;
66. Jangan membenci seseorang kerana fahaman dan pendiriannya;
67. Jangan benci kepada orang yang membenci kita;
68. Berlatih untuk berterus terang dalam menentukan sesuatu pilihan
69. Ringankan beban orang lain dan tolonglah mereka yang mendapatkan kesulitan.
70. Jangan melukai hati orang lain;
71. Jangan membiasakan berkata dusta;
72. Berlakulah adil, walaupun kita sendiri akan mendapatkan kerugian;
73. Jagalah amanah dengan penuh tanggung jawab;
74. Laksanakan segala tugas dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan;
75. Hormati orang lain yang lebih tua dari kita
76. Jangan membuka aib orang lain;
77. Lihatlah orang yang lebih miskin daripada kita, lihat pula orang yang lebih berprestasi dari kita;
78. Ambilh pelajaran dari pengalaman orang-orang arif dan bijaksana;
79. Sediakan waktu untuk merenung apa-apa yang sudah dilakukan;
80. Jangan sedih kerana miskin dan jangan sombong kerana kaya;
81. Jadilah manusia yang selalu bermanfaat untuk agama, bangsa dan negara;
82. Kenali kekurangan diri dan kenali pula kelebihan orang lain;
83. Jangan membuat orang lain menderita dan sengsara;
84. Berkatalah yang baik-baik atau tidak berkata apa-apa;
85. Hargai prestasi dan pemberian orang;
86. Jangan habiskan waktu untuk sekadar hiburan dan kesenangan;

87. Akrablah dengan setiap orang, walaupun yang bersangkutan tidak menyenangkan.
88. Sediakan waktu untuk berolahraga yang sesuai dengan norma-norma agama dan kondisi diri kita;
89. Jangan berbuat sesuatu yang menyebabkan fizikal atau mental kita menjadi terganggu;
90. Ikutilah nasihat orang-orang yang arif dan bijaksana;
91. Pandai-pandailah untuk melupakan kesalahan orang dan pandai-pandailah untuk melupakan jasa kita;
92. Jangan berbuat sesuatu yang menyebabkan orang lain terganggu dan jangan berkata sesuatu yang dapat menyebabkan orang lain terhina;
93. Jangan cepat percaya kepada berita buruk berkaitan dengan teman kita sebelum dipastikan kebenarannya;
94. Jangan menunda-nunda pelaksanaan tugas dan kewajiban;
95. Sambutlah hুলuran tangan setiap orang dengan penuh keakraban dan keramahan dan tidak berlebihan;
96. Jangan memaksa diri untuk melakukan sesuatu yang diluar kemampuan diri;
97. Waspadalah akan setiap ujian, cubaan, godaan dan tentangan. Jangan lari dari kenyataan kehidupan;
98. Yakinlah bahawa setiap kebajikan akan melahirkan kebaikan dan setiap kejahatan akan melahirkan kerosakan;
99. Jangan sukses di atas penderitaan orang dan jangan kaya dengan memiskinkan orang

FADHILAT BULAN REJAB



Bulan Rejab kembali lagi. Ia merupakan bulan yang sangat dimuliakan di dalam Islam. Banyak hadis Rasulullah S.A.W. yang telah diriwayatkan oleh para sahabat Baginda mengenai kelebihan bulan Rejab, bulan ketujuh di dalam kalendar Islam. Rejab bermaksud ta'azim (kebesaran, keagungan, kemuliaan) kerana Allah S.W.T. akan melimpahkan rahmat-Nya, kemurahan-Nya dan Ruangan Bimbingan Rohani kali ini menyorot fadhilat bulan Rejab dan beberapa hadis Rasulullah S.A.W. berkenaan dengannya. Amalan terbaik di dalam bulan Rejab ini ialah berpuasa. Maksud hadis Rasulullah S.A.W. tentang kelebihan berpuasa di dalam bulan Rejab adalah seperti berikut:

- **Puasa 1 hari** - Seperti berpuasa 40 tahun dan mendapat keredhaan Allah serta syurga tertinggi.
- **Puasa 2 hari** - mendapat kemuliaan besar daripada Allah dan dilipatgandakan pahalanya.
- **Puasa 3 hari** - dijauhkan dugaan dunia oleh Allah, dijadikan sebuah parit panjang yang menghalangnya ke neraka,
- **Puasa 4 hari** - diselamatkan daripada siksaan akhirat kelak serta fitnah Dajjal.
- **Puasa 5 hari** - aman dari azab kubur.
- **Puasa 6 hari** - dibangkitkan dari kubur dengan muka bercahaya.
- **Puasa 7 hari** - Allah mengunci 7 pintu neraka jahannam baginya.
- **Puasa 8 hari** - Allah membuka 8 pintu syurga baginya.
- **Puasa 9 hari** - keluar dari kuburnya lalu menyeru "Laailahailallah" dan tidak ditolak dia dari memasuki syurga.
- **Puasa 10 hari** - Allah memperkenankan semua permintaan dan hajatnya, dijadikan hamparan perhentian di titian Siratul Mustaqim setiap satu batu dan dijadikan 2 sayap untuk terbang seperti kilat di titian Siratul Mustaqim.
- **Puasa 13 hari** - Saidina Ali berkata bahawa fadilatnya seperti puasa 3,000 tahun.
- **Puasa 14 hari** - Saidina Ali berkata bahawa fadilatnya seperti puasa 10,000 tahun.
- **Puasa 15 hari** - Allah mengampunkan semua dosanya yang lalu di samping menggantikan amalan kejahatan dengan amalan kebaikan. Saidina Ali berkata bahawa fadilatnya seperti puasa 100,000 tahun.
- **Puasa 16 hari** - dapat melihat wajah Allah di dalam syurga dan orang pertama menziarahi Allah di dalam syurga.
- **Puasa 19 hari** - Dibina sebuah mahligai di hadapan mahligai Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Adam.
- **Puasa 20 hari** - Allah mengampunkan segala dosanya yang lalu, dan melakukan amalan baik dengan baki umurnya.
- **Sesiapa yang berpuasa 3 hari dalam bulan Rejab dan beribadat pada malamnya** seperti dia berpuasa 3,000 tahun, diampunkan baginya 70 dosa-dosa besar setiap hari, ditunaikan 70 hajat ketika keluar nyawa dari jasadnya, 70 hajat ketika di dalam kuburnya, 70 hajat ketika terbang suhuf (ketika Al-Quran dinaikkan ke langit), 70 hajat ketika ditimbang amalannya di Mizan, dan 70 hajat ketika melalui titian Siratul Mustaqim.
- **Berpuasa pada 27 Rejab** (Hari Israk dan Mikraj) seperti berpuasa 60 bulan pahalanya, jika disertai dengan sedekah seumpama puasa 1,000 tahun.
- Dapat meminum air sungai yang dinamakan Rejab yang mana airnya lebih putih dari susu, lebih manis daripada manisan, lebih dingin dari salji.
- Setiap umat Islam yang berpuasa di bulan Rejab seperti mengerjakan ibadat seumur hidupnya. Tambahan bersedekah seperti beribadat seribu kali haji dan umrah. Dibina untuknya seribu mahligai dengan seribu bilik dan seribu bidadari, lebih cantik daripada matahari seribu kali.
- **Sedekah** di bulan Rejab seumpama sedekah seribu dinar, dituliskan kepada tiap-tiap helai bulu romanya seribu kebajikan, diangkat seribu darjat dan dihapuskan seribu kejahatan serta dijauhkan daripada api neraka.

Orang yang lemah dari berpuasa di bulan Rejab hendaklah bersedekah tiap-tiap hari, sekurang-kurangnya sebuku roti.